

TAZKIRAH @SENAT

“BERFIKIR SEJENAK”

**MESYUARAT SENAT
RABU, 28 DISEMBER 2022
4 JAMADIL AKHIR 1444H**

PROF MADYA DR. AHMAD CHE YAACOB
Pengarah Pusat Islam
UTM



Perbandingan

- Indah suasana melihat burung kembali ke sarang membawa makanan untuk anak-anaknya.
- Begitu juga dengan kita, manusia. Kadang kala kita ibarat seekor burung yang terbang di waktu pagi mencari rezeki dan nanti pulang ke sarangnya.
- Manusia juga begitu, keluar pagi dan pulang petang setelah penat bekerja. Tetapi apa bezanya kita dan burung?
- Hidup kita ada tujuan dan hidup kita **bukan** sekadar mengisi rutin.
- **Bukan** sekadar mencari rezeki buat keluarga.
- Kerana kita diberikan akal untuk berfikir.

Hayy Ibn Yaqzan - Ibn Tufayl (m. 1185)



- Ibn Tufayl (m. 1185M) seorang ilmuwan Islam yang terkenal di Andalus (Islamic Spain).
- Karya beliau Hayy Ibn Yaqzan, antara faktor yang membawa kepada ketamadunan bangsa Eropah.
- Karya ini telah menjadi BEST SELLER pada abad ke 17 dan 18 di Eropah.
- Ia telah merubah jiwa dan wajah masyarakat Eropah sehingga begitu ramai ilmuwan barat telah terpengaruh dengan karya beliau.

- Karya ini pertama kali dikenali di Eropah apabila Edward Pococke menjumpai manuskrip Hayy ibn Yaqzan di pasar Damascus pada tahun 1303.
- Beliau mendapati manuskrip ini diterbitkan di Alexandria Mesir dan mengandungi komentar dari bahasa Hebrew.
- Seterusnya, warisnya Edward Pococke Jr. telah menerbitkan karya ini dengan terjemahan ke dalam bahasa Latin pada tahun 1671 bertajuk: "**The Self-Taught Philosopher**".
- Kemudian, George Keith the Quaker menterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris pada 1674, Baruch Spinoza (Dutch), Gottfried Wilhelm Leibniz (German). Manakala Daniel Defoe (c. 1660 – 1731), mengarang karya Robinson Crusoe, berdasarkan cerita Hayy ibn Yaqzan.

Apa cerita Hayy Ibn Yaqzan

- Ia mengisahkan tentang seorang bayi lelaki yang membesar di sebuah pulau terpencil tanpa manusia dan hanya dihuni oleh haiwan.
- Hayy telah dibesarkan oleh kijang yang telah menyusukannya.
- Dia telah belajar untuk meniru suara haiwan dan belajar berjalan serta menguasai komunikasi dengan persekitarannya.

- Walaupun dia membesar bersama haiwan, namun Hayy berbeza dari haiwan.
- Pada usia 7 tahun, dia mula ada perasaan malu dan mahu menutup kemaluannya.
- Hayy juga belajar untuk membuat kasut dan pakaiannya dari kulit binatang.
- Dia juga mempelajari ilmu bintang, sains hayat, falsafah dan agama menerusi pemerhatian.
- Dia juga telah mula mengenal adanya Pencipta sebenar. Apabila “ibu” angkatnya kijang sakit dan mati, Hayy mula memahami ada Tuhan yang menghidupkan dan mematikan.

- Pada usia 30 tahun, barulah dia menemui manusia lain yang datang ke pulau tersebut.
- 3 pengajaran utama dari karya Ibn Tufayl iaitu:
 1. Manusia mempunyai potensi yang berbeza dengan haiwan dan mampu mengangkat kedudukannya apabila sentiasa berfikir dan memerhatikan suasana di persekitarannya.
 2. Sains dan falsafah tidak bercanggah dengan agama. Bahkan, pengetahuan dari sains dan falsafah boleh menyebabkan seseorang dekat dengan Tuhan.
 3. Semua manusia boleh mendapatkan ilmu pengetahuan dan semua manusia mampu untuk berjaya dan menjadi Insan Kamil.

- Karya Ibn Tufayl dianggap sebagai karya sufi di Andalus (Islamic Spain) pada abad ke 11M tetapi di Eropah ia menjadi karya falsafah.
- Ia telah mempengaruhi tokoh falsafah barat seperti Thomas Hobbes, John Locke, Christian Huygens, Isaac Newton, Immanuel Kant dan Karl Marx.
- Dunia filem hari ini telah menghasilkan cerita **Robinson Crusoe**, **Mogli - Jungle Book**, **Cast Away** (Tom Hanks) dan **Tarzan** yang diinspirasikan dari karya Hayy ibn Yaqzan.

12/20/20
1/20/21
1/20/21

THE HISTORY OF HAYY IBN YAQZAN

by
(ABU BAKR IBN TUFAIL)
ibn al-Tufail

Translated from the Arabic by
SIMON OCKLEY

Revised, with an Introduction by
A. S. FULTON



NEW YORK
FREDERICK A. STOKES COMPANY
PUBLISHERS

489679

5.4.49

Muka hadapan
terjemahan oleh
Simon Ockley pada
tahun **1708** (dicetak
semula pada 1929)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ
وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا
خَلَقْتَ هَذَا بَاطِلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ - ١٩١

“(yaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri, duduk atau dalam keadaan berbaring, dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata), “Ya Tuhan kami, tidaklah Engkau menciptakan semua ini sia-sia; Mahasuci Engkau, lindungilah kami dari azab neraka.” **(Ali Imran : 191)**

Surah Ali Imran, ayat 191



فَضْلُ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِي عَلَى أَدْنَاكُمْ

“Keutamaan seorang alim dari seorang abid seperti keutamaanku dari orang yang paling rendah di antara kalian”

Hadis Riwayat Tirmizi

“Keutamaan seorang alim dari seorang abid seperti keutamaanku dari orang yang paling rendah di antara kalian,” kemudian baginda melanjutkan sabdanya: “Sesungguhnya Allah, MalaikatNya serta penduduk langit dan bumi bahkan semut yang ada di dalam sarangnya sampai ikan paus, mereka akan mendoakan untuk orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia.” (HR Tirmizi No: 2609)

- Ibnu Abbas *radhiyallahu ‘anhuma*,
تفكر ساعة خير من قيام ليلة
- **“Berfikir sejenak lebih baik daripada *qiyamullail*”** (al-Adzamah, 1/297).
- Ibnu Abbas juga mengatakan,
تذاكر العلم بعض ليلة أحب إلي من إحيائها
- **“Belajar beberapa ketika di malam hari, lebih aku sukai daripada menghabiskan seluruh malam untuk solat”**. (Mushannaf Abdurrazaq, 11/253).

Kesimpulan

1. Berfikir sejenak dengan akal fikiran yang tenang boleh memberikan impak yang baik.
2. Kemuliaan manusia terletak pada sejauh mana penggunaan akal dengan panduan dari wahyu Ilahi.
3. Hidup menjadi mulia lagi diberkati apabila ada tujuan dan bukan sekadar menjalani rutin seharian.

Mengikuti resmi padi, semakin tunduk semakin berisi



Pendita Za'ba (16 Sept 1895 - 23 Oktober 1973)

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ
وَأَتُوبُ إِلَيْكَ .



“Maha Suci Engkau, ya Allah, aku memuji kepada-Mu. Aku bersaksi, bahawa tiada Tuhan selain Engkau, aku minta ampun dan bertaubat kepada-Mu”